

BAB PERTAMA

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENYATAAN MASALAH

Apabila kita mendengar sesuatu, kita berkeinginan mendapatkan makna atau cuba untuk memahami bunyi-bunyi bahasa yang telah sampai ke telinga kita. Begitulah halnya apabila kita bertutur di dalam sesuatu komunikasi, kita bertujuan untuk menyampaikan maksud atau makna yang ada dalam pemikiran kita melalui bahasa yang diujarkan agar difahami oleh individu lain yang mendengarnya (pendengar).

Dalam proses komunikasi, pemahaman atau pertuturan, samada secara visual atau oral, melibatkan penutur dan pendengar. Dari itu kita harus memilih linguistik yang betul lagi tepat. Samada disedari atau tidak, pemilihan ini didapati di setiap peringkat struktur linguistik, pemilihan-pemilihan berkenaan dapat mempengaruhi variasi tertentu yang berhubung kait dengan fungsi-fungsi sosial.

Mengikut pendapat 'Ulama' Balāghah : Bahawa tidak ada bezanya di antara bahasa dan lukisan, masing-masing mengandungi

makna yang tertentu. Seorang pelukis bila ia mahu melukis sesuatu gambar lukisan maka ia harus memilih dan menyusun warna-warna yang sesuai agar menarik perhatian orang yang melihatnya sehingga boleh membaca apa yang dimaksudkan. Begitulah juga bahasa penulis atau penutur harus memilih perkataan yang baik dan menyusun dalam sebuah ayat mengikut gaya bahasa yang sebenarnya agar boleh difahami maksudnya (Ali Jārim / Mustaphā Amīn. 1957: 8)

Mengikut pandangan Hamid `Auni : Sesungguhnya Allah jadikan bagi setiap umat itu satu bahasa untuk berkomunikasi di antara satu sama lain untuk menyampaikan sesuatu tujuan. (Hamid `Auni. 1992: 5)

Setiap bahasa di dunia ini wujud bagi tujuan komunikasi di antara seseorang individu dengan individu yang lain. Dengan itu seseorang harus mencari jalan untuk bertutur menggunakan bahasa yang berkesan kerana setiap bahasa mengandungi makna yang tertentu. Pada umumnya, makna sesuatu bahasa yang dituturkan oleh seseorang, dapat dianalisis melalui dua cara iaitu:-

- I) melalui penganalisan secara semantik
- II) melalui penganalisan secara pragmatik

The New Penguin English Dictionary (1986) mendefinisikan kedua-dua istilah ini sebagai berikut :

I) Semantik : meneliti perhubungan di antara lambang-lambang bahasa dengan apa yang dilambangkan.

II) Pragmatik: Satu aliran falsafah yang menegaskan bahawa makna atau kebenaran sesuatu konteks bergantung kepada kesan amalnya. (Zulkifli Hamid 1991 : 570)

Di sini ahli linguistik Arab juga (berpendapat) yang sama, iaitu - setiap makna sesuatu bahasa dapat dianalisis melalui dua cara :

(I) الْحَقِيقَةُ (al-ḥaqīqah)

(II) الْمَجَازُ (al-majāz)

Al-ḥaqīqah : perkataan yang dituturkan mengikut semantik yang telah dilambangkan perkataan-perkataan itu sendiri, iaitu makna tersurat mengikut susunan ayat.

Al-majāz : perkataan yang dituturkan dengan mengandungi makna yang lain dari yang dilambangkan oleh perkataan-perkataan itu sendiri, dengan kata lain,

ialitu makna yang tersirat. (Ali Mohammad Husin.
1993 : 107-110)

Ujaran yang seperti ini sering terdapat dalam bahasa Arab seperti firman Allah : **وَيُنَزِّلُ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ رِزْقًا** (wayunazzilu lakum minas samā'āi rizqa) erti nya : dan diturunkan rezeki untukmu dari langit, rialitinya bahawa rezeki seseorang itu tidak diturunkan dari langit, malah yang turun itu ialah hujan yang menjadi sumber bagi rezeki.

Kajian makna dengan hanya merujuk kepada perkataan-perkataan dan hubungan sintaksis yang dibentuk oleh perkataan-perkataan di dalam sebuah ayat, kadang-kadang menghasilkan makna yang tidak tepat. Oleh itu ahli linguistik telah mencipta satu kaedah untuk mentafsirkan makna di dalam sesuatu ayat perbualan yang dikenali sebagai pragmatik dan implikatur perbualan. Kaedah ini digunakan untuk memahami fenomena sesuatu bahasa dalam bentuk komunikasi, kerana ia berlaku di antara individu penutur dan pendengar, disamping faktor-faktor sosial yang harus diambil kira seperti kerjasama antara keduanya.

Untuk mengadakan interaksi yang baik di antara penutur dan pendengar di dalam sesuatu perbualan, kerjasama antara keduanya amat diperlukan, apabila penutur bertanya, pendengar harus menjawabnya dengan baik agar perbualan dapat diteruskan. Suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan ialah setiap perbualan tidak semuanya dapat berjalan lancar lantaran adanya halangan-halangan yang tertentu dan tidak ada kerjasama di antara dua pihak penutur dan pendengar.

Grice (1975) berpendapat, apabila kita berkomunikasi melalui bahasa dalam sesuatu perbualan, seringkali kita patuh kepada maksim-maksim (aturan) yang tertentu, dan lagi dalam perbualan harus seseorang itu bekerjasama (cooperative principle). Seorang penutur yang mahu berinteraksi dengan seorang yang lain mestilah mematuhi maksim-maksim berkenaan.

Dengan itu, kita timbulkan satu pertanyaan. Bagaimana terjadinya kerjasama tersebut di dalam sesuatu perbualan ? Apakah ia terjadi sendiri atau dirancang untuk bekerjasama atau ia merupakan sesuatu yang terdapat di dalam sesuatu perbualan itu sendiri.

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan teori yang telah dibuat dan dikemukakan oleh Grice, dapatlah difahamkan bahawa implikatur perbualan merupakan satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makan, literal di dalam sesebuah ayat, iaitu satu konsep yang berhubung rapat dengan prinsip kerjasama (cooperative principle).

Di sini penyelidik akan membuat satu penelitian pada setiap ujaran yang dikira terkandung di dalam ujaran berkenaan implikatur perbualan dengan berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Grice, dengan penelitian berkaitan dapat dilihat apakah benar wujudnya implikatur perbualan dalam sesuatu perbualan, sebagaimana yang dicadangkannya di dalam pertuturan orang Arab ? Apakah benar-benar wujud implikatur perbualan atau hanya merupakan dakwaan atau hipotesisnya sahaja ?

Penyelidik akan cuba membuat perbandingan yang dapat menentukan adakah benar apa yang dicadangkan oleh Grice itu menepati konsep masyarakat Arab, sebagaimana yang didakwanya, bahawa itu adalah bersifat universal, yang pada umumnya selalu terdapat kerjasama di dalam sesuatu perbualan, maka dengan

lahirnya penyelidikan ini dapat membuktikan bahawa apa yang telah dicadangkan oleh Grice itu memang menepati konsep masyarakat Arab atau sebaliknya.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian yang ringkas ini, penyelidik akan cuba menganalisis sesuatu perbualan yang berlaku diantara individu dengan individu yang lain, bagaimana ia diwujudkan, apakah terdapat kerjasama diantara keduanya sebagaimana yang dicadangkan oleh Grice itu.

Penyelidik akan membuat satu penelitian terhadap sesuatu perbualan dalam bahasa Arab, apakah perbualan berkaitan mematuhi maksim-maksim yang telah ditentukan dan masih mematuhi prinsip-prinsip kerjasama dan bagaimana caranya untuk perbualan itu berterusan ? dan tidak terhenti begitu sahaja kerana mematuhi maksim-maksim dan prinsip kerjasama itu paling penting didalam sesuatu perbualan, agar perbualan berkenaan beroperasi dengan baik dan lancar.

1.4 BIDANG DAN BATAS KAJIAN

Bidang kajian ini, penyelidik akan membuat kajian terhadap faktor yang dapat mempengaruhi penutur bahasa Arab ketika menganjurkan sesuatu ujaran di dalam sesuatu perbualan tertentu. Dengan itu bererti bahawa batas kajian ini hanya berdasarkan konteks bahasa Arab yang dituturkan oleh orang Arab khasnya dan orang-orang Melayu Malaysia amnya yang berpendidikan bahasa Arab.

Dalam perbincangan teori ini nanti penyelidik akan memasukkan konsep-konsep pragmatik berkaitan, yang mungkin mempengaruhi pertuturan tersebut. Penyelidik akan menitikberatkan konteks, kerana konteks adalah faktor penting dalam menentukan sesuatu pertuturan dan tidak kurang pentingnya faktor budaya kerana ia memainkan peranan penting dalam mempengaruhi ciri-ciri perbualan sesebuah masyarakat. Ia dapat dilihat dalam sesuatu bahasa, khususnya dalam bahasa Arab, yang mana pertuturan mereka tidak selalunya berterus terang pertuturan sesuatu perbualan. Ini boleh jadi sikap penutur berkenaan yang menentukan ciri-ciri kerjasama di dalam sesuatu perbualan sama ada dengan

sengaja atau tidak, atau mereka mempunyai tujuan yang tertentu seperti menyindir, beerjenaka dan lain-lain.

Mengikut pendapat sebahagian dari ahli ilmu Ma`ani : bahawa makna ujaran yang terlintas di pemikiran seseorang penutur itu tersembunyi tak dapat diinterpretasikan oleh seseorang yang lain (pendengar) kecuali dengan apa yang dilambangkan oleh linguistik itu sendiri, yang mana sedikit sebanyak dapat juga memberi makna yang tertentu . (Ahmad Al-Hāsyimi 1960 : 45)

Setiap perkataan mengadungi makna tersembunyi, pendengar yang ingin meninterpretasi maknanya maka ia harus mencari dalil yang menyokong makna berkenaan, ini sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran : **وَنِيَابِكَ فَطَهُرٌ** (watsiyābaka fathahhir) perkataan “ thiab ” disini pada lahirnya memberi erti : pakaian yang dipakai oleh manusia, tetapi terdapat sebahagian ahli linguistik menintepretasi makna itu ialah “ hati ”, ini perlu kepada ayat lain. Sebagai dalil yang menerangkan makna begitu – (Ahmad Al-Hasyimi : Ibib)

1.5 KERANGKA KAJIAN

Dalam kajian ini penyelidik akan menggunakan kaedah sosiolinguistik yang telah diperkenalkan oleh Labov (1972) terhadap analisis pertuturan, iaitu kaedah (NATURAL OCCURING) data yang dikumpul dengan cara bersahaja dengan rakaman audio dan pemerhatian perbualan yang diperbualkan oleh penutur di dalam sesuatu konteks yang tertentu, perbualan dilakukan tidak melibatkan penyelidik.

Mengikut Labov (1970), cara yang terbaik untuk memperolehi data yang bermutu dan lengkap daripada pertuturan individu adalah dengan merakamkan pebualan individu, ialah melalui pemerhatian yang paling nyata. Hal ini sekiranya pemaklum menyedari bahawa mereka dirakamkan "self monitoring" yang mungkin menjejaskan hasil kajian pasti akan berlaku. (Nor Hasyimah Jalaluddin 1996 : 51)

Oleh itu, penyelidik membuat pemerhatian yang teliti supaya pemaklum tidak menyedari bahawa perbualannya telah dirakamkan agar memperolehi data yang paling baik dan hasil kajian juga akan menjadi baik, sekiranya hal ini disedari sudah pasti akan menjejaskan data berkenaan.

Kosep "natural" bermakna spontan, iaitu dengan tidak dirancang terlebih dahulu, ketika membuat rakaman dan pemerhatian, dengan itu akan menghasilkan kebenaran di dalam sesuatu perbualan di antara penutur dan pendengar.

Mengikut teori Hyme (1972) ada rumusan-rumusan yang wujud dalam pertuturan dan dalam peristiwa pertuturan mesti ada peserta yang terdiri daripada penutur dan pendengar.

Hyme (1967) telah membuat satu kajian terhadap bahasa dan kegunaannya bertujuan untuk menerangkan bagaimana ahli di dalam sesuatu masyarakat tahu bila untuk melakukan sesuatu perbualan, bila hendak bercakap, apakah kod yang digunan di dalam sesuatu masa atau tempat yang tertentu. Cadangan yang telah dikemukakan ialah komoniti bahasa, situasi pertuturan, peristiwa bahasa, lakuan bahasa, kefasihan pertuturan, komponen sesuatu peristiwa pertuturan dan fungsi-fungsi pertuturan. (Jamaliah Mohd Ali, 22 Dis 1995: TM503)

mengikut Harvey Sackh, Scheloff, Jeffenson (1974) (1975) mengemukakan mekanisma yang mempengaruhi mengambil giliran, ialah satu set pertuturan yang memberi pilihan untuk beroperasi atas

dasar satu lepas satu yang dikenali sebagai sistem pengurusan tempatan. (local management system) mengikutnya mereka lagi mengambil giliran :

- I. terbuka bebas-apa pendapat anda ?
- II. orang yang dicalonkan sahaja boleh mengambil giliran, jika ada orang lain menyampuk, bermakna melanggar peraturan.

Semasa bercakap ada tempat-tempat yang tertentu yang memberi isyarat yang orang lain boleh masuk bercakap - itulah (transition - relevance place). (Jamaliah Mohd Ali 1996: TM 503)

komunikasi sebagai aktiviti berkerjasama. Contohnya berbual dengan orang lain (ada penyoal dan dijawab oleh orang yang disoal) ada timbal balik, jika seorang sahaja maka tidak akan berlaku kerjasama.

Levinson (1983) setiap giliran terdiri dari satu unit giliran yang terdiri daripada beberapa patah kata ; klausa atau ayat - seperti :
Apa ? Hendak ke mana ? Dia sedang membaca dan lain-lain lagi.

1.6 DATA DAN PEMERHATIAN

Sesuai kajian itu akan menjadi lebih teratur jika batas dan objek kajian itu dijadikan garis panduan. Dengan adanya dua faktor berkenaan tumpuan kajian akan menjadi lebih mantap dan tepat.

Data kajian ini adalah lebih tertumpu kepada penutur bahasa Arab yang terdiri daripada guru-guru dan beberapa orang lain yang berkerja di negeri Kelantan. Guru-guru berkenaan adalah tenaga pengajar di Sekolah Menengah Agama (Arab) Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Maktab Pengajian Islam dan sekolah-sekolah lainnya. Selain daripada sampel yang menuturkan bahasa Arab penyelidik juga memasukkan beberapa orang guru yang terdiri daripada orang-orang Melayu yang berpendidikan bahasa Arab, dan terdapat dikalangan mereka yang lahir di negeri Arab berlatar belakang konteks masyarakat Arab.

Penyelidik memilih sampel ini kerana subjek mempunyai latar belakang yang lebih kurang sama, mempunyai pendidikan sekurang-kurangnya sijil menengah dari negeri-negeri Arab dan Ijazah bahasa Arab. Hubungan di antara mereka akan mengambil corak perbualan harian mereka, kerana mereka sekurang-kurangnya berpendidikan

di negeri yang sama, iaitu di negeri yang bahasa dan budaya yang sama.

Sampel berkenaan melibatkan penutur kelas menengah, iaitu kelas penuturnya berpendidikan dan menjalankan tugas pekerjaan yang sama dalam menjalankan kehidupan mereka.

Peranan yang dimainkan oleh seorang penutur dan status yang dimiliki penting dalam sesuatu interaksi, status yang ada pada penutur akan menentukan peranannya dalam interaksi, setiap kelas berbeza mengikut variasi bahasa yang digunakan. (Izani Hj Daud, 1995 : 809)

Dan dalam kajian ini juga, penyelidik membuat pemerhatian terhadap buku-buku bahasa Arab yang mengandungi ciri-ciri perbualan di antara seorang individu dengan seorang individu yang lain, yang dianggap mempunyai prinsip kerjasama yang ada kaitan dengan kajian ini.

Penyelidik berbuat demikian kerana buku-buku yang mengandungi corak demikian menggambarkan perbualan masyarakat Arab yang sebenarnya, malah ia lebih merupakan percakapan

bahasa Arab yang tulen. Di samping itu termasuk juga perbualan dari Rasulullah (S.A.W). Hal ini penulis menganggap sesuatu yang baru dalam kajian yang seperti ini.

1.7 METODOLOGI KAJIAN DAN TEKNIK PENGUMPULAN DATA.

Setelah dibataskan oleh kerangka kajian, objeknya dan definisi kerjasama bagi bahan yang hendak dikaji barulah langkah untuk mengutip data dapat dilakukan. Dalam hal ini ada beberapa peringkat yang dilakukan:

1) Penyelidik, pada mulanya telah cuba menggunakan pita rakaman untuk merakamkan perbualan-perbualan yang dilakukan dengan tidak diketahui subjek berkenaan. Tujuannya untuk mendapat sampel yang baik dan benar-benar dalam bentuk perbualan yang bersahaja, kerana mengikut Lobov (1970) ; cara yang terbaik untuk memperolehi data yang bermutu dan lengkap daripada percakapan individu, iaitu melalui pemerhatian yang paling nyata. Berbagai-bagai cara dilakukan bagi mengelak penutur dari menyedari yang perbualan mereka dirakamkan , mengikutnya lagi, sekiranya dia menyedari bahawa mereka diperhatikan dan

perbualan mereka dirakamkan mungkin menjejaskan hasil kajian pasti akan berlaku. (Nor Hasyimah Jalaluddin 1996: 51)

Tetapi setelah membuat rakaman terdapat beberapa halangan dan gangguan yang tak dapat di atasi, iaitu sukar untuk mendapat perbualan yang baik sebagaimana yang diperlukan, dan transkripsi tidak dapat dibuat dengan betul dan tepat kerana gangguan daripada beberapa faktor yang tak boleh ditentukan, seperti ciri-ciri tak bersuara dalam rakaman berkenaan.

II) Disebabkan oleh masalah-masalah tersebut maka penyelidik telah membuat keputusan bagi mendapat sampel yang baik dengan membuat pemerhatian-pemerhatian dengan mencatat perbualan yang dilakukan oleh sampel dan memasukkan juga ciri-ciri yang tak bersuara. Yang penting penyelidik ingin mendapat ciri-ciri yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini, iaitu ciri-ciri kerjasama perbualan berdasarkan teori yang telah diutarakan oleh Grice dalam teori kerjasama.

Dalam hal ini penyelidik telah membuat pemerhatian dan penelitian pada setiap perbualan yang telah dilakukan oleh subjek dan mencatatkan dengan teliti setiap ujaran yang telah dilakukan

serta memasukan ciri-ciri yang tidak bersuara seperti anggukan, senyuman dan sebagainya.

III) penyelidik juga membuat pemerhatian dari buku-buku bahasa Arab yang mengandungi perbualan antara individu dengan individu di samping itu termasuk juga perbualan dari Rasulullah (S.A.W) yang mempunyai ciri-ciri yang berkaitan.

Sebagai seorang penyelidik yang bukan berbahasa Arab langkah berhati-hati harus diambil berat agar kajian ini mencapai matlamatnya yang dikehendaki. Berhati-hati disini bererti melengkapkan diri dengan maklumat tentang masyarakat yang dikaji.

Dalam kajian ini, setiap sampel kadang-kadang terdiri daripada satu giliran sahaja oleh setiap seorang penutur dan terdapat juga sampel yang saiznya lebih besar dengan melibatkan beberapa orang penutur.

Data yang dikutip memakan masa beberapa bulan, setiap sampel ditranskripsi dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu

bersuara dan yang tidak bersuara, dan melibatkan tempat yang di mana penutur itu menuturkan perbualan.

Kadang-kadang penyelidik bertanya kepada penutur yang berkenaan mengapa ia menuturkan sedemikian, apakah naksud dari pertuturannya itu, demi untuk mendapatkan sampel yang baik. Dengan itu dapat mengetahui tujuan sebenar pertuturan tersebut.